

Murid SMK Pantai Meraih Kejayaan Taekwondo Antarabangsa



Labuan, 10 Januari – Dua orang murid SMK Pantai telah meraih kejayaan membanggakan dalam kejohanan taekwondo peringkat antarabangsa pada akhir tahun 2022.

Rosyam Qusyairi bin Aspar murid Tingkatan 4 SMK Pantai telah memperolehi satu pingat emas dalam Kejohanan AOT Cup 3rd Open International Taekwondo Championship 2022 yang berlangsung pada 28-20 Disember 2022 di Ryan International School, Bengaluru India.

Kejohanan tersebut disertai oleh 7 buah Negara iaitu India, Malaysia, Ethiopia, Ghana, Amerika Syarikat, Nepal dan Bangladesh.

Rosyam merupakan peserta tunggal dari WP Labuan bersama 10 orang peserta lain mewakili Malaysia bertanding di

bawah Kelab Taekwondo MTH (WTF).



Encik Ismail bersama pemenang pingat emas Rosyam Qusyairi (kiri) dan pemenang pingat perak Mohammad Farish (kanan) Sementara itu, Mohammad Farish Shamir bin Kasmir, murid Tingkatan 4 SMK Pantai telah berjaya memenangi pingat perak dalam Kejohanan 2nd Korea Ambassador Cup yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam. Kejohanan disertai oleh Malaysia, Korea dan Negara Brunei Darussalam. Mohammad Farish Shamir juga menyertai kejohanan tersebut di bawah Kelab Taekwondo MTH (WTF),

Diharap pencapaian kedua-dua murid ini akan meningkatkan semangat mereka untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada tahun ini dan memupuk minat murid-murid lain untuk terlibat dalam aktiviti Taekwondo.

Phak sekolah akan terus memberi galakan dan sokongan kepada murid-murid selaras dengan slogan "SMK Pantai Mengangkat Martabat Murid" dan salah satu Fokus Kerja 2023 SMK Pantai iaitu "Pengantarabangsaan".

Berita Oleh : SMK Pantai



Pingat Emas



Rosyam Qusyairi



Pingat Perak



Mohammad Farish